

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NATION

THE STAR m/s 6 NATION 6/2/2025 (KHAMIS)

'Ban won't stop addiction'

Dzulkefly: Regulating vaping gives govt better control

By RAGANANTHINI
VETHASALAM
raga@thestar.com.my

PETALING JAYA: Regulating rather than banning vaping products outright will allow authorities to better control the vaping and smoking ecosystem, said Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (*pic*).

"Arguably, the approach of banning may seem theoretically attractive, but practically impossible – we have vape being sold here for more than 10 years – by merely acting to ban it but unable to affect its availability in the street, it's merely empty legislation," he told *The Star*.

Dzulkefly said regulating vaping will allow the government to "control the safety of devices and content of (vaping) liquid to make sure they adhere to standards, adding that even countries like Thailand and Singapore, which have banned vaping, "have usage in rising percentages".

He said with new regulations on smoking products, the government will be able to monitor and prevent sales to minors.



"We are putting clear mechanisms into place for this, as well as to prevent smuggling which will then drive other activities, including drugs to be used alongside or within vape," he said.

The first phase of the Control of Smoking Products for Public Health Act 2024 (Act 852) came into force on Oct 1 last year, where it seeks to cover regulations on registration, sale, packaging, labelling, and prohibition of

smoking in public places.

The Health Ministry will carry out educational enforcement for regulations concerning the registration and display of smoking products until March 31, while the grace period on packaging and labelling ends on Sept 30.

"The fact is more than five million Malaysians are addicted to nicotine. Merely banning a tool of nicotine delivery is not going to stop their addiction," he said, adding that through regulation, the government is able to control the amount of nicotine in smoking devices, as well as to "introduce economic measures which will have a behavioural nudging effect".

"Coupled with widespread upscaling of our preventive efforts and cessation efforts, which will be funded in no small part from the taxes we impose on legal products, we will be able to reduce demand and dependence on nicotine. These are the primary reasons why we didn't go down the road to ban vape.

"We have clear regulations on the content of e-liquid, including the levels of nicotine, and there

are clear exit plans under the regulations to move away from disposable vapes altogether," he added.

Dzulkefly said the unregulated vape market has been in existence since 2014, way before the law was passed.

"With the new law and regulations now in place, the government is working to wash out vape which do not conform to regulations, echoing the practice standards of other countries with similar issues.

"We continue to be focused on the safety of the public at large and ensuring vulnerable populations, including children and teenagers, are protected from vaping," he added.

On Jan 31, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim's senior political secretary Datuk Seri Shamsul Iskandar reportedly said that it is difficult for the government to totally ban vaping, adding there is a need for better regulation to prevent the sale of vape liquids mixed with illegal substances as the vape industry is largely dominated by young entrepreneurs.

AKHBAR : THE SUN DAILY

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATIONAL

THE SUN DAILY MY/3 NATIONAL 6/2/2025 (KHAMIS)

Govt hospitals urged to reduce wait times for patients

KUALA LUMPUR: The success in reducing wait times at public health clinics from three hours to 30 minutes should be replicated at government hospitals to extend improvements in the quality of public healthcare services.

Federation of Malaysian Consumers Associations (Fomca) president Datuk Dr N. Marimuthu said the positive development would have a major impact on patient experience at health clinics, and should be expanded to government hospitals so that more people could benefit from the initiative.

"Fomca welcomes the Health Ministry's initiative, but we would like to (state) that government hospitals face similar challenges, especially in

major urban and rural areas.

"The need to reduce wait times at hospitals is equally critical so that patients do not have to wait too long for treatment.

"We hope this initiative will be sustained and not just be a short-lived effort," he said.

He also stressed that the government should allocate sufficient resources, including increasing the number of staff and improving facilities, to ensure that the initiative can be further enhanced and not limited to clinics.

Marimuthu also proposed the healthcare sector be prioritised in the next Budget by increasing allocations to hire more staff and improve healthcare infrastructure,

particularly to address the issue of overcrowding at government hospitals and clinics.

"Additional staff and new facilities are needed to meet the growing demand, especially with the country's increasing population.

"This would not only reduce wait times but also ensure that every patient receives quality treatment," he said.

Meanwhile, Public Health Specialist Datuk Dr Zainal Ariffin Omar said while the digital system currently widely used in many health clinics helps shorten wait times, patients must still adhere to their appointment time and make necessary preparations before and during their visit.

He said previously, the lack of an efficient appointment system forced some patients to endure long waiting periods to see a doctor.

"The digital system streamlines appointment scheduling and reduces work process time from registration to patient queue management and medication collection.

"Therefore, patients must comply with the scheduled appointment times," he said.

Consumers' Association of Penang education officer N.V. Subbarow expressed full support for the government's efforts to improve the national healthcare sector, seeing it as a positive step that should be continued for the well-being of the people. – Bernama

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : LOKAL

Hm M/S 16 LOKAL 6/2/2025 (KHAMIS)

Perluas kurangkan masa menunggu di hospital kerajaan

Kuala Lumpur: Kejayaan mengurangkan tempoh waktu menunggu di klinik kesihatan dari tiga jam kepada 30 minit perlu diperluas ke hospital kerajaan bagi meneruskan prestasi yang signifikan dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan awam.

Mengalukan pencapaian positif Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) itu, Presiden Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) Datuk Dr N Marimuthu berkata perkembangan berkenaan tentunya memberi impak besar terhadap pengalaman pengguna di klinik kesihatan dan usaha ini perlu dibuka ke hospital kerajaan

supaya lebih ramai dapat menikmati manfaat.

"Fomca menyambut baik langkah KKM ini, namun perlu diingat bahawa hospital kerajaan juga menghadapi bebanan yang sama, terutamanya di kawasan bandar utama dan kawasan luar bandar.

"Keperluan untuk mengurangkan waktu menunggu di hospital juga sangat kritikal agar pesakit tidak perlu menunggu lebih lama untuk mendapatkan rawatan. Jadi diharapkan usaha ini perlu dikedalkan dan usahlah sekadar hangat-hangat tahi ayam," katanya.

Beliau juga menekankan kerajaan perlu memperuntukkan sumber yang mencukupi termasuk penam-

bahan jumlah kakitangan dan fasiliti, untuk memastikan usaha ini dapat dipertingkatkan dan tidak terhenti pada tahap klinik sahaja.

Selain itu, Marimuthu turut mencadangkan sektor kesihatan diberi keutamaan dalam pembentangan belangan akan datang dengan meningkatkan peruntukan untuk menambah kakitangan dan memperbaiki infrastruktur kesihatan, khususnya dalam menangani kekurangan ruang di hospital serta klinik kerajaan yang sering menyebabkan kesesakan.

"Tambahkan kakitangan dan kemudahan baharu diperlukan untuk mengimbangi permintaan semakin meningkat, apatah lagi dengan jumlah popu-

lasi negara semakin besar.

Ini bukan sahaja mampu mengurangkan waktu menunggu, tetapi juga memastikan setiap pesakit mendapat rawatan

berkualiti," katanya.

Sementara itu, Pakar Perubatan Kesihatan Awam Datuk Dr Zainal Ariffin Omar berkata walaupun sistem digital yang mula digunakan secara meluas di banyak klinik kesihatan

akan memendekkan masa menunggu namun pesakit masih perlu mematuhi masa janji temu yang diberikan selain membuat persediaan rapi sebelum dan semasa janji temu itu.

Menurut beliau, sebelum ini tiada sistem janji temu yang efisien menyebabkan ada pesakit terpaksa menunggu lama untuk berjumpa doktor.

"Sistem digital ini dapat menguruskan sistem janji temu yang efisien serta mengurangkan masa proses kerja daripada pendaftaran, giliran pesakit dan mengambil ubat. Dengan itu, pesakit perlu patuh kepada masa yang ditetapkan," katanya.

Pada masa sama, Pegawai Pendidikan Persatuan

Pengguna Pulau Pinang (CAP) N V Subbarow turut menyatakan sokongan penuh terhadap usaha kerajaan dalam memperbaiki sektor kesihatan negara yang dilihat sebagai langkah positif dan berharap ia akan diteruskan demi kesejahteraan rakyat.

"CAP menyambut baik usaha ini dan kita berharap perkara sama dapat dilaksanakan bukan sahaja klinik kerajaan, tetapi juga hospital, terutama di kawasan yang ramai pesakit. Perhatian juga harus diberikan pada proses pengambilan ubat yang turut mendapat keluhan ramai pesakit kerana melibatkan waktu menunggu lama di beberapa hospital," katanya.

“Keperluan untuk kurangkan waktu menunggu di hospital juga sangat kritikal”
Marimuthu

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : DALAM NEGERI

KHAMIS • 6 FEBRUARI 2025

31

UT m/s 13 D/NEK 6/2/2025 (KHAMIS)

Tingkat pemantauan jual rokok, vape terbuka

KLUANG: Penguat kuasa Kementerian Kesihatan perlu meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap larangan penjualan rokok dan vape di rak secara terbuka.

Hasil tinjauan *Utusan Malaysia* di beberapa kedai di daerah ini mendapati, masih terdapat segelintir peniaga yang belum mengubah suai rak penjualan rokok di premis mereka.

Peniaga kedai runcit di Kampung Paya, Rosli Ali, 50, berkata, selain mematuhi sistem rak bertutup, mereka juga bertanggungjawab memastikan penjualan produk tembakau hanya kepada pembeli berumur 21 tahun ke atas.

“Walaupun memerlukan sedikit belanja untuk ubah suai, namun peraturan ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan perlu dipatuhi dan hanya rokok bercukai dijual di sini.

“Keadaan ini dilihat lebih mesra kepada pelanggan yang bukan perokok dan dalam masa sama difahami oleh mereka yang menghisap rokok,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Dalam pada itu, seorang la-



PEKERJA sebuah kedai runcit di Kampung Paya, Kluang, Johor menunjukkan rak jualan rokok secara bertutup.

gi peniaga di Batu 4, Kluang, Razali Mohammed, 45, mengakui belum berkesempatan untuk mengubah suai rak jaluannya, namun bertekad melakukannya dalam masa

terdekat.

“Pada masa ini, rokok disimpan dalam laci khas dan hanya akan dikeluarkan jika ada permintaan daripada pelanggan,” katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

SH MIS L NASIONAL 6/2/2025 (KHAMIS)

Kesihatan mental: Lebih 40,000 penjawat awam berisiko tinggi

KUALA LUMPUR - Seramai 44,901 pegawai awam yang menjalani saringan Sistem Profiling Digital Kesihatan Psikologi Perkhidmatan Awam (MyPsyD) didapati berisiko tinggi dalam isu kesihatan mental berkaitan kemurungan, keresahan, penyalahgunaan bahan dan tingkah laku bunuh diri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa berkata, jumlah itu adalah 4.6 peratus daripada 975,780 penjawat awam yang terlibat dalam saringan MyPsyD bagi tempoh 1 Mac sehingga 31 Disember 2024.

Beliau berkata, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah membangunkan MyPsyD yang bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesihatan psikologi pegawai.

"Secara keseluruhannya, pelaksanaan saringan kesihatan psikologi MyPsyD merupakan inisiatif kerajaan yang signifikan dalam mengenal pasti risiko psikologi dan kesihatan mental pegawai.



DR ZALIHA

"Keprihatinan JPA dengan sokongan profesional melalui strategi pencegahan dan intervensi awal diyakini dapat mengekalkan kesejahteraan pegawai awam secara holistik.

"Seterusnya dapat meningkatkan produktiviti mereka sepanjang perkhidmatan," katanya dalam jawapan bertulis yang dimuat naik di laman sesawang Parlimen pada Rabu.

Dr Zaliha menjawab soalan **Datuk Dr Alias Razak (PN-Kuala Nerus)** berhubung program khusus yang dilaksanakan kerajaan susulan laporan

lebih 40,000 penjawat awam mengalami isu kesihatan psikologi.

Sehubungan dengan itu, beliau berkata, kerajaan telah mengambil langkah strategik untuk mencegah dan menangani isu yang dikenal pasti melalui pendekatan yang menyeluruh.

"Langkah ini termasuk rujukan segera kepada pakar bagi kes yang serius di samping intervensi psikologi melalui psikoterapi dan pemantauan rapi oleh pegawai psikologi," ujarnya. - *Bernama*

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NATION

THE STAR m/s 8 NATION 6/2/2025 (KHA)

High mental health risk in over 40,000 civil servants

KUALA LUMPUR: A total of 44,901 civil servants screened under the Public Service psychological health digital profiling system (MyPsyD) were found to be at high risk of mental health issues related to depression, anxiety, substance abuse and suicidal behaviour, said Dr Zaliha Mustafa.

The Minister in the Prime Minister's Department (Federal Territories) said this figure represents 4.6% of the 975,780 civil servants who participated in the MyPsyD screening between March 1 and Dec 31, 2024.

She said the Public Service Department (JPA) developed MyPsyD to assess the psychological health of public officers.

"The implementation of the MyPsyD psychological health screening is a significant government initiative in identifying psychological and mental health risks among officers.

"JPA's concern, supported by professional intervention is expected to holistically safeguard the well-being of civil servants and, in turn, enhance their productivity throughout their service," she said in a written reply.

Dr Zaliha was responding to a question from Datuk Dr Alias Razak (PN-Kuala Nerus) regarding specific government programmes following reports that more than 40,000 civil servants were experiencing psychological health issues.

She said the government had taken strategic measures to prevent and address the identified issues through a comprehensive approach.

"These measures include immediate referrals to specialists for serious cases, psychological interventions through psychotherapy and close monitoring by psychological officers," she added.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 25
RUANGAN : KELUARGA

KHAMIS • 6 FEBRUARI 2025

17 M/25 KELUARGA 6/2/2025 (KHAMIS)

Tingkat keberkesanan rawatan TB guna teknologi

TUBERKULOSIS (TB) terus menjadi ancaman kesihatan awam yang semakin meningkat di seluruh dunia. Walaupun penyakit ini dapat dicegah dan dirawat, TB masih meragut berjuta-juta nyawa setiap tahun.

Justeru, Pakar Perubatan Keluarga Jabatan Perubatan Keluarga Fakulti Perubatan Sains dan Kesihatan (UPM), Prof. Dr. Ching Siew Mooi berkata, beberapa aspek penting ditekankan dalam sambutan Hari Tuberkulosis Sedunia 2025 bagi menangani penyakit ini.

Antaranya, pelaburan dalam alat diagnostik baharu, vaksin dan rejimen rawatan yang lebih pendek penting untuk mengakhiri TB.

Kemajuan teknologi, seperti *artificial intelligent* (AI) dalam diagnosis TB, menawarkan penyelesaian terbaik untuk meningkatkan akses dan ketepatan penjagaan kesihatan.

“Selain itu, meningkatkan kesedaran untuk mengurangkan stigma dan menggalakkan diagnosis awal serta rawatan. Program pendidikan komuniti boleh memberi kuasa kepada individu untuk mengenali gejala dan mendapatkan rawatan perubatan dengan segera.

“Akses kesihatan sejagat memastikan pencegahan dan rawatan TB yang adil, terutama untuk golongan yang terpinggir. Menangani penentu sosial kesihatan dapat memperbaiki hasil rawatan dan mengurangkan jurang dalam penjagaan TB,”



Komplikasi akibat TB yang tidak dirawat atau tidak diuruskan dengan baik termasuk kerosakan paru-paru, kegagalan pernafasan, pleuritis, TB tulang belakang, meningitis, disfungsi buah pinggang atau hati, kemandulan, TB perikarditis, kegagalan pelbagai organ dan kematian.”

CHING SIEW MOOI

katanya.

Di Malaysia, jumlah kes TB yang dilaporkan meningkat kepada 26,781 pada 2023, berbanding 25,391 pada tahun 2022.

TB ialah penyakit berjangkit berpunca daripada bakteria *Mycobacterium tuberculosis* yang menyerang paru-paru, tetapi juga boleh menjejaskan organ lain.

TB merebak melalui udara apabila individu yang dijangkiti batuk, bersin atau bercakap.

Gejala TB termasuk batuk berpanjangan, demam, berpeluh malam dan keletihan.

Tambahnya, Walaupun penyakit TB boleh dirawat dengan antibiotik tetapi terdapat beberapa cabaran seperti kelewatan diagnosis, ketidakpatuhan rawatan dan TB tahan pelbagai ubat (MDR-TB) sekaligus memerlukan pemerhatian yang lebih intensif.


“Dengan 10.6 juta kes baru dilaporkan seluruh dunia pada tahun 2022 dan 1.3 juta

kematian, adalah penting bagi kita semua untuk meningkatkan kesedaran terhadap penyakit ini dan mendapat rawatan dengan segera jika dijangkiti.

“Komplikasi akibat TB yang tidak dirawat atau tidak diuruskan dengan baik termasuk kerosakan paru-paru, kegagalan pernafasan, pleuritis, TB tulang belakang, meningitis, disfungsi buah pinggang atau hati, kemandulan, TB perikarditis, kegagalan pelbagai organ dan kematian,” katanya.

Individu dengan sistem pertahanan yang lemah, seperti penghidap HIV/AIDS, kencing manis atau menerima rawatan kanser seperti kemoterapi, lebih berisiko dijangkiti TB.

Kumpulan berisiko tinggi lain termasuk perokok, individu yang kurang zat makanan, dan mereka yang tinggal atau bekerja di tempat sesak seperti penjara, tempat perlindungan atau kem-kem pelarian.



TB merebak melalui udara apabila individu dijangkiti batuk, bersin atau bercakap. - GAMBAR HIASAN